

mode

Jenis-jenis tikus belanda

AMERICAN ATAU ENGLISH SHORT HAIR

Tikus Belanda jenis *American* ini juga dikenali sebagai *English Cavy*. Ia bersaiz kecil, berbulu pendek, dan boleh didapati dalam pelbagai jenis warna. Spesies ini merupakan antara jenis baka yang paling mudah ditemui dalam pasaran.

PERUVIAN

Baka tikus Belanda jenis *Peruvian* ini mempunyai bulu yang panjang bermula dari bahagian kepala hingga ke badan. Bulu tersebut boleh memanjang sehingga 50 sentimeter. Oleh kerana saiz bulunya yang panjang, pemilik haiwan baka ini adakalanya berhadapan dengan masalah membezakan bahagian depan dan belakang badan tikus Belanda tersebut kerana bulunya menutupi bahagian kepalanya.



SIDDIQ TAN
YEW ONG
dengan tikus
Belanda
peliharaannya.



TIKUS Belanda
yang jinak dan
mudah dijaga.

Penghibur hati

Telatah tikus Belanda yang manja menghiburkan hati

SILKIE DAN SHELTYE

Silkie atau *Sheltie* merupakan baka tikus Belanda yang dikenali sebagai *Angora*. Spesies ini juga berbulu panjang tetapi berbulu pendek dibahagian kepalanya. Dikatakan bulunya lebih lembut dan berkilat jika dibandingkan dengan spesies *Peruvian*.

TEXEL

Spesies tikus Belanda jenis *Texel* ini agak istimewa kerana berbulu kerinting. Bulunya berlingkar dan meliputi keseluruhan badannya termasuk pada bahagian perut.

REX BREED

Baka tikus Belanda jenis *Rex Breed* ini mempunyai bulu yang pendek di seluruh badannya. Beza baka ini boleh dilihat dari segi saiz yang lebih besar dan ketebalan saiz kuku di bahagian kaki belakang lebih tebal.

HAIRLESS BREEDS

Spesies tikus Belanda jenis ini boleh dikatakan agak gondol dan kulitnya berkedut-kedut. Baka jenis ini hanya boleh dibela dalam keadaan cuaca panas dan memerlukan jagaan yang istimewa.

CORONET

Tikus Belanda jenis *Coronet* ini agak istimewa kerana mempunyai belahan rambut dibahagian kepala seolah-olah berjambul panjang. Warnanya juga agak unik kerana ada di antaranya memiliki sehingga empat warna pada tubuh masing-masing.

BENAR kata orang, memelihara haiwan peliharaan mampu mengubah kesunyian malah secara tidak langsung haiwan tersebut mampu membuatkan hari-hari anda ceria.

Begitu kata **Siddiq Tan Yew Ong**, 33, yang mula membela tikus Belanda pada tahun 2012 selepas kehilangan anak tersayang.

Menjadikan tikus Belanda pilihan utama, menurut Siddiq ini kerana dia sememangnya pernah membela haiwan tersebut ketika berada di bangku sekolah dan sedikit sebanyak mempunyai maklumat mengenai haiwan berkenaan.

Menyifatkan haiwan tersebut seekor haiwan yang comel dan manja, Siddiq berkata, tikus Belanda bukanlah seekor tikus yang berkeliaran dalam longkang atau di tempat-tempat pembuangan sampah walaupun haiwan ini sangat mirip dengan tikus.

Siddiq menjelaskan, asalnya dia hanya membela tiga ekor sahaja dan haiwan ini mula membiak sehingga sekarang menjadi lebih daripada 20 ekor.

“Memang kami sepatutnya memilih tikus Belanda untuk dijadikan haiwan peliharaan selepas anak sulung kami meninggal dunia dan hanya bertujuan untuk mengubah kesunyian. Hari ini saya mempunyai ‘koleksi’ tikus Belanda

hobi

Oleh **MARIATUL QATIAH ZAKARIA**

maria.zakaria@utusan.com.my



daripada pelbagai spesies,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Klang, Selangor, baru-baru ini.

Hobi tersebut yang berlarutan sehingga ke hari ini bukan sahaja dikongsi bersama isteri tercinta, Suraiya Afide Khairul Anuar, 30, malah anaknya, Hana Mishall Tan, setahun sembilan bulan, turut menyukai haiwan tersebut yang memang mudah dijaga.

Membela kesemua tikus Belanda tersebut di bahagian belakang rumahnya, Siddiq amat menitikberatkan soal kebersihan dengan menempatkan haiwan berkenaan di dalam sangkar.

Baginya tikus Belanda mudah dijaga, jinak, dan mampu menghiburkan hati penjaganya dengan telatah serta siulannya.

Hanya diberi makan palet, rumput *napier*, dan juga salad, Siddiq menjelaskan, tikus Belanda ini bukanlah

haiwan yang berbau busuk, malah senang untuk dibersihkan.

“Tikus Belanda ialah haiwan peliharaan yang mudah untuk diurus. Letak sahaja makanan serta minuman yang mencukupi dalam bekas makanan kerana mereka asyik makan 24 jam.

“Dari segi penjagaan kebersihan pula, bagi tikus Belanda yang mempunyai bulu panjang, hanya perlu dimandikan seminggu sekali manakala yang berbulu pendek pula sebulan sekali.

“Kita hanya membawanya berjumpa dengan doktor haiwan apabila sakit dan tikus Belanda ini bukanlah haiwan yang perlu dicucuk, diberi vaksin, atau sebagainya,” tuturnya lanjut.

Turut menyifatkan haiwan ini seekor binatang yang aktif, Siddiq menjelaskan, tikus Belanda akan mengasah gigi dan kukunya sendiri.

Seandainya dibiarkan panjang, ini menandakan haiwan tersebut sakit, bahkan bulu yang kusut, kelihatan tidak bermaya, serta kurus kering itu juga antara tanda-tanda haiwan ini dijangkiti penyakit.

Seperti seekor kucing, Siddiq berkata, tikus Belanda mampu beranak sehingga enam ekor pada satu-satu masa dan tempoh haiwan ini bunting adalah sekitar dua setengah bulan.

Haiwan ini juga bijak dan boleh dilatih menggunakan tempat najis yang dikhaskan untuk membuang najis.

Siddiq turut menjelaskan setiap koleksi baka tikus Belanda boleh dijual dengan harga yang berbeza mengikut saiz dan jenis baka.

“Harga tikus Belanda ini berbeza dan ada yang dijual bermula dari RM50 dan jika baka jenis baik boleh mencecah sehingga ke RM1,200.

“Lebih mahal baka yang dibeli bermakna lebih berkualiti dari segi saiz, warna mata, dan bulu serta kecerdikan yang ada pada haiwan tersebut terutamanya baka berbulu panjang yang sukar diperoleh,” jelasnya.

HANA MISHALL TAN
turut bermain dengan
tikus Belanda.

